

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENDAFTARAN PEMBAKA

No. Dokumentasi: APTVM 20(c): 1/2011

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

1.0 Pengenalan	1
2.0 Objektif	1
3.0 Skop	2
4.0 Definisi	2
5.0 Kata Singkatan	4
6.0 Rujukan	5
7.0 Bahagian 1: Arahan Prosedur Tetap	5
7.1 Arahan Am	5
7.2 Pengesahan Kesihatan	5
7.3 Pengesahan baka	6
7.4 Pendaftaran Pembaka	7
7.5 Perakuan Baka	7
8.0 Bahagian 2 : Panduan Proses Kerja	8
8.1 Permohonan Pendaftaran Pembaka	8
8.2 Menyemak Permohonan Pendaftaran Pembaka	9
8.3 Pengesahan Pembaka	10
8.4 Pendaftaran Pembaka	10
8.5 Mencetak Sijil Pendaftaran Pembaka	11
Carta Aliran Kerja Pendaftaran Pembaka	12
Lampiran 1: Paparan e-baka	13
Lampiran 2: Paparan Permohonan Pendaftaran Baka	14
Lampiran 3: Paparan Semakan Pendaftaran Baka	15
Lampiran 4: Paparan Verifier Pendaftaran Pembaka	17
Lampiran 5: Paparan Kelulusan Pembaka	19
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Penghapusan	22
Penghargaan	23

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR PENDAFTARAN PEMBAKA

Baka ternakan merupakan suatu asas penting kepada kemajuan industri ternakan. Kegiatan membiakbaik baka menjadi suatu perkhidmatan penting yang disediakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar semenjak penubuhannya. Pengenalan baka bermutu menjadi penyumbang penting kepada pembangunan sub sektor ayam dan babi. Usaha serupa telah dan sedang dilaksanakan dalam sub-sektor ruminan. Namun pembangunan baka memerlukan perancangan strategik disertai pengetahuan, kemahiran, usaha, dedikasi dan komitmen yang merentasi generasi serta melibatkan penggunaan sumber yang besar. Maka memiliki baka yang bermutu menjadi faktor daya saing yang penting kepada industri ternakan.

Kebanyakan penternak telah menyedari hakikat tersebut dan bersedia melabur modal yang besar untuk mendapatkan sumber genetik yang bermutu. Banyak perniagaan baka ternakan berlaku, malah aktiviti lelongan baka juga semakin mendapat sambutan. Bagi merangsang pertumbuhan industri pembiak baik dan perdagangan baka yang berhemah, suatu bentuk jaminan diperlukan. Untuk tujuan tersebut Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyediakan perkhidmatan Skim Pendaftaran Pembaka.

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia: Pendaftaran Pembaka ini akan menggariskan kaedah untuk mengesah dan mendaftar pembaka. Sistem e-baka merupakan pengkalan data bersepada kepada Daftar Ternakan Pembaka Nasional. Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyediakan perkhidmatan ini kepada penternak untuk mendaftarkan ternakan pembaka mereka. Setiap ternakan pembaka tersebut akan diberikan identifikasi unik agar mampu dirujuk dan dibuat pengesahan diseluruh Negara. Jabatan juga akan mengeluarkan perakuan melalui Sijil Pendaftaran Pembaka yang boleh dimuat turun sekiranya semua syarat pendaftaran dipenuhi.

Menjadi harapan jabatan agar prosedur pengesahan dan pendaftaran serta perakuan yang akan dibuat melalui Sijil Pendaftaran Pembaka; akan membolehkan penjual dan pembeli melaksanakan dagangan secara lebih berhemah. Dalam masa yang sama diharapkan Daftar Ternakan Pembaka Nasional akan dapat memberi gambaran kedudukan sumber genetik ternakan dalam Negara. Dengan ini diharapkan akan tercetus peluang baru untuk penternak mendapat manfaat yang sepadan dengan usaha mereka serta diharap akan mendorong pembentukan kluster pembiak yang berwibawa.

Skim pendaftaran pembaka ini juga akan membantu jabatan menyediakan perkhidmatan kesihatan veterinar yang khusus bagi mencegah dan mengawal penyakit pembiakan disamping penyakit zoonosis. Skim ini juga akan memudahkan pelaksanaan pampasan sekiranya diperlukan. Daftar ini juga akan membolehkan khidmat nasihat, runding cara dan perundingan diberikan secara langsung kepada pengusaha yang terlibat. Maka dengan ini APTVM: Pendaftaran Pembaka akan dijadikan panduan dalam perkhidmatan ini.



Dato' Dr. Abd. Aziz bin Jamaluddin
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA PENDAFTARAN PEMBAKA

1.0 PENGENALAN

Skim Pendaftaran Pembaka merupakan suatu usaha untuk memperkuuhkan lagi perkhidmatan pembiakbaik baka ternakan yang telah disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar selama ini. Pembangunan baka ternakan sedang dilaksanakan melalui usaha pembiakbaik baka ternakan di Pusat Ternakan Haiwan atau ladang jabatan, perkhidmatan permanan beradas, perkhidmatan pemindahan embrio, di samping pengimportan baka terpilih. Perkhidmatan tersebut disokong oleh penyelidikan bioteknologi ternakan di Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan serta perkhidmatan pemeriksaan kebuntingan dan pemeriksaan dayabiak. Semua usaha tersebut telah memberi impak yang besar kepada kemajuan mutu genetik ternakan dalam Negara. Maka skim pendaftaran pembaka ini akan menyediakan suatu landasan nasional bagi meningkatkan lagi manfaat kepada penternak yang terlibat.

APTM ini akan menggariskan panduan untuk menjalankan pengesahan, pendaftaran dan perakuan baka. Daftar Ternakan Pembaka Nasional yang akan terbina daripada prosedur ini akan membolehkan pengurusan yang lebih cekap keatas sumber genetik Negara. Daftar tersebut juga akan membolehkan perkhidmatan kesihatan pembiakkan disediakan dengan lebih cekap lagi. Sementara itu daftar ini akan membantu jabatan membentuk kluster di kalangan penternak untuk pembangunan baka yang lebih mantap dimasa hadapan. Prosedur ini diharapkan mampu merangsang pembangunan sumber genetik ternakan dalam Negara .

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menyediakan panduan pengesahan kesihatan ternakan pembaka.
- 2.2 Menyediakan panduan pengesahan ternakan pembaka.
- 2.3 Menyediakan panduan pendaftaran kedalam Daftar Ternakan Pembaka Nasional.
- 2.4 Menyediakan panduan perakuan Sijil Pendaftaran Pembaka.

3.0 SKOP

APTV ini mengandungi arahan am pengesahan ternakan pembaka dan kesihatannya, pendaftaran serta perakuan ternakan pembaka disamping panduan proses kerja berkenaan.

4.0 DEFINISI

4.1 Audit Baka

Pakar baka dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang ditugaskan untuk menjalankan audit ke atas keutuhan sistem Daftar Ternakan Pembaka Nasional.

4.2 Baka

Ternakan yang mempunyai ciri fizikal sama ada bentuk, warna, perlakuan atau fungsi yang diperakui menepati piawai baka yang ditetapkan.

4.3 Pembaka berdaftar

Pembaka yang melepassi spesifikasi piawaian tertentu, diberi identifikasi unik dan telah direkod dalam Daftar Ternakan Pembaka Nasional.

4.4 Daftar Ternakan Pembaka Nasional

Suatu pengkalan data untuk mendaftar ternakan pembaka nasional yang bersepadau dikendali oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

4.5 Daftar keturunan

Rekod sahsilah ternakan pembaka mengambil kira nilai pembakaan kedua ibu-bapa.

4.6 Gerompok

Kumpulan ternakan yang berkongsi kawasan ragutan atau dibawah satu pengurusan yang terletak dalam kawasan yang sama.

4.7 Nilai Pembiakan

Kumpulan nilai parameter reproduksi yang diberi setelah penilaian menyeluruh potensi nilai sebenar individu ternakan.

4.8 Pampasan pembaka

Kadar pampasan yang diluluskan kepada pemilik ternakan bagi setiap ternakan pembaka yang berdaftar dalam Daftar Ternakan Pembaka Nasional bila ternakan diarah dimusnahkan kerana penyakit.

4.9 Piawai baka

Spesifikasi yang memperincikan ciri unik sesuatu baka bagi tujuan pendaftaran.

4.10 Pendaftar baka

Pegawai atau individu yang diiktiraf kemahirannya dalam mengenali serta memahami ciri sesuatu baka ternakan dan ditauliahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menjalankan tugas mengesah (verifier) dan mendaftar baka yang ditetapkan.

4.11 Pengesahan baka

Langkah yang dilalui dalam proses memeriksa ternakan untuk disahkan oleh pendaftar baka.

4.12 Pemeriksaan kesihatan

Aktiviti yang dilaksanakan untuk memperakui status ternakan sama ada bebas dari penyakit.

4.13 Permanian beradas

Aktiviti memasukkan benih (air mani) pejantan ke dalam saluran pangkal rahim ternakan betina menggunakan radas permanian.

4.14 Pemilik

Individu yang mempunyai kuasa pemilikan termasuk pemilikan yang menjalankan pengurusan dan pentadbiran secara eksklusif.

4.15 Sijil Kesihatan Veterinar

Dokumen yang mengesahkan kesihatan haiwan untuk membolehkan haiwan dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain dan menjadi dokumen rujukan utama dan yang paling akhir dikeluarkan oleh mereka yang bertanggungjawab sebagaimana APTVM Penyediaan Sijil Kesihatan Veterinar.

4.16 Sijil Pendaftaran Pembaka

Sijil Pendaftaran Pembaka merupakan dokumen yang dicetak daripada Daftar Ternakan Pembaka Nasional oleh penguasa veterinar sebagai akuan bahawa ternakan telah menepati ciri piawai baka yang dinyatakan

5.0 KATA SINGKATAN

APTV	-	Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
AI	-	<i>Artificial Insemination</i> (Permanian Beradas)
DTPN	-	Daftar Ternakan Pembaka Nasional
ET	-	<i>Embryo Transfer</i> (Pemindahan Embrio)
DVS	-	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
PPPN	-	Pegawai Pembibakan dan Pembakaan Negeri
PPVD	-	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah
PV	-	Penguasa Veterinar
PDB	-	Pemeriksaan Dayabiak
SKV	-	Sijil Kesihatan Veterinar

6.0 RUJUKAN

- 6.1 Akta Binatang (1953) Semakan 2006
- 6.2 Enakmen Pendaftaran Lembu Kerbau

7.0 BAHAGIAN 1 : ARAHAN PROSEDUR TETAP

7.1 Arahan Am

- 7.1.1 Semua ternakan pembaka samada pejantan atau pembiaik betina yang ingin didaftarkan mestilah memenuhi syarat pendaftaran yang ditentukan.
- 7.1.2 Semua pembaka dalam DTPN mestilah memiliki nombor pengenalan unik (RFID) dan mempunyai pemilik yang sah.
- 7.1.3 Permohonan pendaftaran baka hanya layak bagi premis yang telah berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Premis DVS.

7.2 Pengesahan Kesihatan

- 7.2.1 Ternakan pembaka yang hendak dibuat pengesahan hendaklah berada dalam gerompok di bawah pengawasan DVS Negeri. Gerompok itu telah menjalani ujian darah secara berkala dan bebas dari Penyakit Wajib Lapor dibawah senarai pembasmian.
- 7.2.2 Bagi pendaftar baka yang bukan terdiri daripada penguasa veterinar, pendaftaran hanya boleh dibuat setelah pemilik mengemukakan SKV.
- 7.2.3 Pendaftar baka yang terdiri daripada penguasa veterinar hendaklah menjalankan pemeriksaan kesihatan dan pastikan ternakan pembaka tersebut sihat serta datang daripada gerompok yang bebas penyakit ketika pendaftaran.

- 7.2.4 Sekiranya berlaku jangkitan penyakit setelah pendaftaran, status pengesahan baka masih kekal, namun peraturan pergerakan dan pemindahan hendaklah mematuhi APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan Antara Negeri dan Protokol Veterinar Malaysia untuk penyakit berkenaan.
- 7.2.5 Sekiranya ternakan pembaka diperintah untuk dihapuskan atas sebab kesihatan, Sijil Pendaftaran Pembaka boleh dijadikan asas bayaran pampasan dimana terdapat kelayakan demikian.

7.3 Pengesahan baka

- 7.3.1 Permohonan untuk pengesahan baka boleh dibuat dengan DVS Negeri berdekatan dengan menggunakan Borang Baka 1.
- 7.3.2 PPPN akan memastikan perkara 7.2 dipenuhi dan menetapkan Pendaftar Baka yang bersesuaian mengikut kepakaran untuk proses pengesahan baka.
- 7.3.3 PPPN akan menyelaras temujanji di antara pemilik ternakan dan Pendaftar Baka.
- 7.3.4 Pendaftar baka yang ditauliahkan akan membuat pengesahan ternakan pembaka berkenaan dan kosnya perlu ditanggung pemohon.
- 7.3.5 Pemohon bertanggungjawab untuk mengemukakan bukti sokongan kepada pendaftar baka untuk semakan dan pengesahan berasaskan kepada:
 - Piawai baka
 - Daftar keturunan
- 7.3.6 Bagi ternakan muda (anak) dibuat pengesahan sekiranya kedua pejantan dan pembiaik betina merupakan pembaka berdaftar.

7.4 Pendaftaran Pembaka

- 7.4.1 Pembaka yang telah dibuat pengesahan bakanya oleh pendaftar baka layak didaftarkan dalam DTPN.
- 7.4.2 Pembaka yang layak hendaklah memiliki tanda pengenalan unik. Sekiranya pembaka itu belum memilikinya, RFID hendaklah disuntik dibawah kulit dan direkodkan nombor tag dan cop yang terdapat dikulitnya. Kos untuk menyediakan pengenalan hendaklah ditanggung pemohon.
- 7.4.3 PPPN bertanggungjawab untuk menyelia serta mentadbir DTPN agar keutuhannya terjamin dan dihormati.
- 7.4.4 PPPN bertanggungjawab untuk memastikan keutuhan piawai baka, daftar keturunan serta memantau nilai pembakaan, selaras dengan kenyataan pemilik.
- 7.4.5 PPPN bertanggungjawab menyediakan laporan status DTPN.

7.5 Perakuan Baka

- 7.5.1 Pemilik baka berhak memohon pada bila masa diperlukan Sijil Pendaftaran Pembaka daripada pejabat DVS terdekat.
- 7.5.2 Sekiranya sijil tersebut diperlukan ketika jualan atau pemindahan, pemeriksaan veterinar hendaklah dijalankan untuk mengesahkan identiti melalui RFID.
- 7.5.3 Sekiranya penternak memerlukan pemeriksaan daya biak bolehlah diatur dengan pakar pembiahan berkenaan.
- 7.5.4 Sijil Pendaftaran Pembaka bolehlah dicetak daripada DTPN dalam sistem e-baka.
- 7.5.5 Sebarang kos berkaitan hendaklah ditanggung oleh pemohon.

- 7.5.6 PPPN dan pusat hendaklah menjalankan audit baka keatas keseluruhan Skim Pendaftaran Pembaka ini demi menjamin keutuhannya dari semasa ke semasa.

8.0 BAHAGIAN 2 : PANDUAN PROSES KERJA

8.1 Permohonan Pendaftaran Pembaka

- 8.1.1 Pendaftaran permohonan e-baka akan dilaksanakan oleh pegawai perkhidmatan kaunter. Pendaftaran permohonan baka hanya akan dapat dicapai setelah pemohon mendaftarkan premis dalam sistem e-permit2.
- 8.1.2 Pemohon mengisi borang pendaftaran premis dan Baka dan menyerah kepada kaunter PPVD berdekatan.
- 8.1.3 Perkhidmatan kaunter PPVD mendaftar premis jika pendaftaran baru atau mengisi maklumat dalam paparan e-baka (lampiran 2) dan simpan. Cara membuat permohonan seperti berikut :
- 8.1.3.1 Buka paparan <http://epermit2.dvs.gov.my/ebaka>, masukkan **username** dan **password**.
- 8.1.3.2 Klik baka, klik permohonan baka dan isi maklumat dalam layar. Semua field yang bertanda bintang perlu diisi. Jika premis pemohon telah berdaftar dengan e-permit2 bahagian A akan diisi secara automatik bila premis di pilih.
- 8.1.3.3 Masukkan maklumat bahagian B.
- 8.1.3.4 Simpan dan keluar.
- 8.1.3.5 Secara **auto skrin** senarai ternakan mohon sijil akan keluar.
- 8.1.3.6 Klik kemaskini, isi maklumat individu ternakan, pilih tambah ternakan jika

lebih dari satu ternakan dipohon untuk pendaftaran, satu ternakan untuk setiap borang.

- 8.1.3.7 Semak maklumat dan pilih simpan.
- 8.1.3.8 Pilih simpan dan tutup sebelum **log out** untuk keluar dari layar paparan.

8.2 Menyemak Permohonan Pendaftaran Pembaka

- 8.2.1 PPPN bertanggungjawab untuk menyemak permohonan baru dan melaksanakan langkah tapisan kesihatan dengan berhubung dengan bahagian/unit yang berkaitan. Apabila semakan telah dilaksanakan, proses permohonan akan masuk ke sistem proses verifikasi atau mencetak surat gagal jika tidak melepassi syarat yang ditentukan.
 - 8.2.1.1 Buka paparan <http://epermit2.dvs.gov.my/ebaka>, masukkan **username** dan **password**.
 - 8.2.1.2 Klik baka, klik semak permohonan baka layar berikut (lampiran 3) akan terpapar.
 - 8.2.1.3 Isi ruang maklumat ladang, semak data sokongan lain seperti rekod pembakaan ternakan, rekod ladang dan rekod perolehan.
 - 8.2.1.4 Semak maklumat status gerompok; boleh dicapai dari DVS data dalam laman web jabatan, atau berhubung terus dengan PVD atau Bahagian Kesihatan DVS Negeri.
 - 8.2.1.5 Tandakan jika gerompok positif kepada penyakit yang disenarai.
 - 8.2.1.6 Klik kemaskini, pada ruang senarai ternakan mohon sijil, isi maklumat individu ternakan, semak maklumat, **upload** gambar sisi sebelah kiri ternakan dan pilih simpan dan tutup.

- 8.2.1.7 Ulang semula langkah 8.2.1.6 dan 8.2.1.7 untuk semua ternakan tersenarai.
- 8.2.1.8 Pilih simpan dan tutup sebelum **log out** untuk keluar dari layar paparan.

8.3 Pengesahan Pembaka

- 8.3.1 Proses verifikasi baka akan dilaksanakan oleh Pendaftar Baka yang dilantik; bertanggungjawab untuk menyemak maklumat dalam borang verifikasi dan memperakurkan ciri memenuhi piawai baka dan daftar keturunan pada ternakan yang tersenarai untuk pendaftaran.
 - 8.3.1.1 Buka paparan <http://epermit2.dvs.gov.my/ebaka>, masukkan **username** dan password.
 - 8.3.1.2 Klik baka, klik verifikasi permohonan baka; layar berikut (lampiran 4) akan terpapar.
 - 8.3.1.3 Pada petak senarai mohon sijil, klik kemaskini maklumat individu ternakan.
 - 8.3.1.4 Semak maklumat dan penuhkan petak kriteria piawai ternakan, apabila selesai pilih simpan dan tutup.
 - 8.3.1.5 Ulang semula langkah 8.3.1.3 dan 8.3.1.4 pada semua ternakan senarai mohon sijil.
 - 8.3.1.6 Pilih simpan dan tutup sebelum **log out** untuk keluar dari layar paparan.

8.4 Pendaftaran Pembaka

- 8.4.1 Buka paparan <http://epermit2.dvs.gov.my/ebaka>, masukkan **username** dan **password**.
- 8.4.2 Klik baka, klik kelulusan permohonan baka; layar berikut (lampiran 5) akan terpapar.
- 8.4.3 Klik pilih nama penternak, untuk kemaskini maklumat.


- 8.4.4 Klik senarai ternakan mohon sijil untuk paparan maklumat individu ternakan. Pegawai pelulus perlu memperakui kelayakan ternakan dengan memenuhi status lulus atau gagal.
- 8.4.5 Pilih simpan, secara automatik layar untuk ternakan seterusnya akan keluar.
- 8.4.6 Ulang semula proses 8.4.5 dan 8.4.6 hingga selesai.
- 8.4.7 Pilih simpan dan tutup sebelum log out untuk keluar dari layar paparan.

8.5 Mencetak Sijil Pendaftaran Pembaka

Sijil Pendaftaran Pembaka boleh di cetak setelah kelulusan dan PPPN memenuhi nombor RFID pada maklumat ternakan. Cetakan boleh dilaksanakan di kaunter PPVD berdekatan.

- 8.5.1 PPPN membuka layar senarai semak untuk mendapatkan daftar ternakan yang telah lulus sebagai pembaka.
- 8.5.2 Nombor RFID akan dipenuhi mengikut turutan.
- 8.5.3 RFID di suntik bawah kulit sisi kiri leher ternakan 5 cm bawah telinga kiri ternakan.
- 8.5.4 Semak pembacaan RFID dengan RFID reader.

Carta Aliran Kerja Pendaftaran Pembaka



Lampiran 1

Paparan e-baka



Lampiran 2

Paparan Permohonan Pendaftaran Baka

The screenshot shows the 'SYSTEM E-BAKA' application interface. At the top, there are links for 'LAMAN UTAMA', 'PROFIL DIRI', and 'BAKA'. On the right, there are icons for 'LOGOUT' and 'LOGGED IN AS:'. Below the header, a green bar displays the title 'E MOHON BAKA - TAMBAH MAKLUMAT'.

The main form is divided into two sections:

- A. Maklumat dari E-Permit:**

Tuan Punya/Penternak: *	SUKARDI BIN SUNGIP	PILIH PREMIS
No. Premis:	M01551	
No. GPS:		
- B. Maklumat Populasi:**

Stok Populasi Semasa: *	34
Bil Induk: *	21
Bil SPP: *	0

At the bottom of the form are 'SIMPAN DAN TUTUP' and 'BATAL' buttons.

Below the form, a message box displays: 'E MOHON BAKA BELUM SEMAK [168] - KEMASKINI' with a gear icon.

The next section is titled 'Senarai Ternakan Mohon Sijil:' (List of Animals Applied for Permit:)

	BIL.	Spesies	Baka Sejati	ID Haiwan (Sedia ada)	Jantina
CARI	PILIH SEMUA	PILIH SEMUA		PILIH SEMUA	
<input type="checkbox"/>	1	Lembu	Lembu Jersey	10009	BETINA
<input type="button" value="BUANG"/>					

(Records 1 - 1 of 1)

At the bottom of this section are 'Tambah Ternakan' and 'SIMPAN DAN TUTUP' buttons.

Lampiran 3**Paparan Semakan Pendaftaran Baka**

E MOHON BAKA SEMAK - PENTADBIRAN

E mohon baka semak TAMBAH MAKLUMAT

	BIL	Tuan Punya/Perniagaan	No. Premis	No. GPS	Sila Pilih Verifier	Proses Semakan	Tarikh Mohon
	CARI (Extended)					PILIH SEMUA	
<input type="checkbox"/>	1	MURUGAI A/P SINAYAN	M01579	SILA PILIH		15 October 2010 17:10	
<input type="checkbox"/>	2	SUKARDI BIN SUNGIP	M01551	SILA PILIH	BELUM SEMAK	28 January 2011 14:10	

PILIH SEMUA / TIDAK MEMILIH / TUKAR PILIHAN / BUANG

E MOHON BAKA SEMAK [158] - KEMASKINI

A. Maklumat dari E-Permit

Tuan Punya/Perniagaan: *	SUKARDI BIN SUNGIP	PILIH PREMIS
No. Premis:	M01551	
No. GPS:		

B. Maklumat Populasi

Stok Populasi Semasa:	34
Bil Induk:	21
Bil SPP:	0

Senarai Ternakan Mohon Sijil:

	BIL	Gambar Ternakan	Spesies	Baka Sejati	ID Haiwan (Sedia ada)	Jantina	No. Daftar Peja
	CARI		PILIH SEMUA	PILIH SEMUA		PILIH SEMUA	
<input type="checkbox"/>	1		Lembu	Lembu Jersey	10009	BETINA	

Gambar Ternakan:	<input type="text"/> Browse...
Spesies:	Lembu <input type="button" value="▼"/>
Baka Sejati:	Lembu Jersey <input type="button" value="▼"/>
ID Haiwan (Sedia ada):	10009
Jantina:	BETINA <input type="button" value="▼"/>
No. Daftar Pejantan:	121212
No. Daftar Induk:	141414
Warna:	HITAM
Tarikh lahir:	<input type="button" value="Wednesday 18"/> <input type="button" value="▼"/> November <input type="button" value="▼"/> 2009 <input type="button" value="PILIH TARIKH"/>
Sumber diperolehi:	australia
Skor Badan:	3
Ukurlilit Skrotum:	0

SIMPAN DAN TUTUP **SIMPAN** **BATAL**

D.Rekod

Buku Passport Ladang:	<input type="radio"/> ADA <input type="radio"/> TIADA
Rekod Pembiakan:	<input type="radio"/> ADA <input type="radio"/> TIADA
Rekod Perolehan:	<input type="radio"/> ADA <input type="radio"/> TIADA

2. Status Kesihatan

Diujui?:	<input type="radio"/> YA <input type="radio"/> TIDAK
Bebas Penyakit?:	<input type="radio"/> YA <input type="radio"/> TIDAK
Status Penyakit Gerompok:	<input type="button" value="PILIH SEMUA"/> <input type="button" value="TIDAK MEMILIH"/> <input type="button" value="Invert selection"/> <input type="checkbox"/> Brucella <input type="checkbox"/> Johne's disease <input type="checkbox"/> Tuberculosis
Lain-lain (Nyatakan):	<input type="text"/>

Sila Pilih
Verifier:

Proses
Semakan: TELAH SEMAK BELUM SEMAK

LOG PERMOHONAN:	BIL.	Id status log baka	Tarikh	Operator
	2	PERMOHONAN BARU	28 January 2011 14:09	roslainimohon

(Records 1 - 1 of 1)

SIMPAN DAN TUTUP **SIMPAN** **BATAL**

*Lampiran 4***Paparan verifier pendaftaran pemBaka**

SYSTEM E-BAKA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR LOGOUT

LAMAN UTAMA PROFIL DIRI BAKA LOGGED IN AS BO

E MOHON BAKA VERIFY - PENTADBIRAN

	BIL.	Tuan Panya/Penternak	No. Premis	No. GPS	Proses Verifikasi	Tarikh Mohon
	CARI (Extended)	<input type="text"/>			PILIH SEMUA	28 January 2011 14:10
<input type="checkbox"/>		1	SUKARDI BIN SUNGIP	M01551	BELUM SELESAI	

(Records 1 - 1 of 1)

E MOHON BAKA VERIFY [158] - KEMASKINI

A. Maklumat dari E-Permit

Tuan Panya/Penternak: *	SUKARDI BIN SUNGIP	PILIH PREMIS
No. Premis:	M01551	
No. GPS:		

B. Maklumat Populasi

Stok Populasi Semasa:	34
Bil Induk:	21
Bil SPP:	0

Senarai Ternakan Mohon Sijil:

	BIL.	Gambar Ternakan	Spesies	Baka Sejati	ID Haiwan (Sedia ada)	No. Daftar Pejantan	No. Daftar Betina
	CARI	<input type="text"/>	PILIH SEMUA	PILIH SEMUA			
<input type="checkbox"/>		1	Lembu	Lembu Jersey	10009	121212	141414

D. Rekod

Buku Passport Ladang:	<input checked="" type="radio"/> ADA <input type="radio"/> TIADA
Rekod Pembiakan:	<input checked="" type="radio"/> ADA <input type="radio"/> TIADA
Rekod Perolehan:	<input checked="" type="radio"/> ADA <input type="radio"/> TIADA

2. Status Kesihatan																	
Diuji?:	<input checked="" type="radio"/> YA <input type="radio"/> TIDAK																
Bebas Penyakit?:	<input checked="" type="radio"/> YA <input type="radio"/> TIDAK																
Status Penyakit Gerompok:	<input type="checkbox"/> PILIH SEMUA <input type="checkbox"/> TIDAK MEMILIH <input type="checkbox"/> Invert selection <input type="checkbox"/> Brucella <input type="checkbox"/> Johne's disease <input type="checkbox"/> Tuberculosis																
Lain-lain (Nyatakan):	<input type="text"/>																
Proses Verifikasi:	<input type="radio"/> SELESAI <input checked="" type="radio"/> BELUM SELESAI																
LOG PERMOHONAN:	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>Id status log baka</th> <th>Tarikh</th> <th>Operator</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2</td> <td>PERMOHONAN BARU</td> <td>28 January 2011 14:09</td> <td>roslainimohon</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>SELESAI SEMAKAN</td> <td>28 January 2011 14:42</td> <td>roslainisemak</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Records 1 - 2 of 2)</p>	BIL.	Id status log baka	Tarikh	Operator	2	PERMOHONAN BARU	28 January 2011 14:09	roslainimohon	3	SELESAI SEMAKAN	28 January 2011 14:42	roslainisemak				
BIL.	Id status log baka	Tarikh	Operator														
2	PERMOHONAN BARU	28 January 2011 14:09	roslainimohon														
3	SELESAI SEMAKAN	28 January 2011 14:42	roslainisemak														
SIMPAN DAN TUTUP <input type="button" value="SIMPAN"/> <input type="button" value="BATAL"/>																	
Kriteria <table border="1"> <tbody> <tr> <td>Skin pigment:</td> <td><input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Head size:</td> <td><input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Fore head:</td> <td><input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Horn:</td> <td><input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Ears:</td> <td><input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Hump:</td> <td><input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Special character:</td> <td><input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> </tbody> </table>		Skin pigment:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Head size:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Fore head:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Horn:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Ears:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Hump:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Special character:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH		
Skin pigment:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH																
Head size:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH																
Fore head:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH																
Horn:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH																
Ears:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH																
Hump:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH																
Special character:	<input type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH																
SIMPAN DAN TUTUP <input type="button" value="SIMPAN"/> <input type="button" value="BATAL"/>																	
Proses Verifikasi:	<input checked="" type="radio"/> SELESAI <input type="radio"/> BELUM SELESAI																
LOG PERMOHONAN:	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>Id status log baka</th> <th>Tarikh</th> <th>Operator</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2</td> <td>PERMOHONAN BARU</td> <td>28 January 2011 14:09</td> <td>roslainimohon</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>SELESAI SEMAKAN</td> <td>28 January 2011 14:42</td> <td>roslainisemak</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>SELESAI VERIFIKASI</td> <td>28 January 2011 14:59</td> <td>roslainivifier</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Records 1 - 3 of 3)</p>	BIL.	Id status log baka	Tarikh	Operator	2	PERMOHONAN BARU	28 January 2011 14:09	roslainimohon	3	SELESAI SEMAKAN	28 January 2011 14:42	roslainisemak	4	SELESAI VERIFIKASI	28 January 2011 14:59	roslainivifier
BIL.	Id status log baka	Tarikh	Operator														
2	PERMOHONAN BARU	28 January 2011 14:09	roslainimohon														
3	SELESAI SEMAKAN	28 January 2011 14:42	roslainisemak														
4	SELESAI VERIFIKASI	28 January 2011 14:59	roslainivifier														
SIMPAN DAN TUTUP <input type="button" value="SIMPAN"/> <input type="button" value="BATAL"/>																	

Lampiran 5**Paparan kelulusan pemBaka**

SYSTEM E-BAKA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAMAN UTAMA PROFIL DIRI BAKA LOGGED IN AS RO

BORANG KELULUSAN-PENTADBIRAN

Borang Kelulusan TAMBAH MAKLUMAT

	BIL	Tuan Panya/Penternak	No. Premis	No. GPS	Proses Kelulusan	Tarikh Mohon
<input type="checkbox"/>	1	BUBALASIMGAM A/L R. GOVINDRAN	J00954		BELUM SELESAI	24 January 2011 10:46
<input type="checkbox"/>	2	CHONG KET WAL	B01396		BELUM SELESAI	24 January 2011 11:33
<input type="checkbox"/>	3	AMRUN SITAI	B01405		BELUM SELESAI	24 January 2011 11:48
<input type="checkbox"/>	4	DR PET CARE & SERVICES	B01420		BELUM SELESAI	24 January 2011 12:33
<input type="checkbox"/>	5	INAM BTE SEPAH	B01417		BELUM SELESAI	24 January 2011 14:12
<input type="checkbox"/>	6	ELEMEN LIVESTOCK	J00207		BELUM SELESAI	24 January 2011 14:53
<input type="checkbox"/>	7	SABU BIN ISMAIL	R00214		BELUM SELESAI	24 January 2011 14:56
<input type="checkbox"/>	8	LEE HUAT CHENG	D03091		BELUM SELESAI	24 January 2011 15:08
<input type="checkbox"/>	9	SUKARDI BIN SUNGIP	M01551		BELUM SELESAI	28 January 2011 14:10

EMOHON BAKA VERIFY [158]-KEMASKINI

A. Maklumat dari E-Permit

Tuan Panya/Penternak: *	SUKARDI BIN SUNGIP	PILIH PREMIS
No. Premis:	M01551	
No. GPS:		

B. Maklumat Populasi

Stok Populasi Semasa:	34
Bil Induk:	21
Bil SPP:	0

Senarai Ternakan Mohon Sijil:

	BIL.	Gambar Ternakan	Spesies	Baka Sejati	ID Haiwan (Sedia ada)	No. Daftar Pelestan	No. Daftar In
<input type="checkbox"/>	1	<input type="button" value="CARI"/> <input type="button" value="SEARCH"/> <input type="button" value="VIEW"/>	PILIH SEMUA	PILIH SEMUA			
			Lembu	Lembu Jersey	10009	121212	141414

D. Rekod	
Buku Passport Ladang:	<input checked="" type="radio"/> ADA <input type="radio"/> TIADA
Rekod Pembiakan:	<input checked="" type="radio"/> ADA <input type="radio"/> TIADA
Rekod Perolehan:	<input checked="" type="radio"/> ADA <input type="radio"/> TIADA

2. Status Kesihatan	
Diuji?:	<input checked="" type="radio"/> YA <input type="radio"/> TIDAK
Bebas Penyakit?:	<input checked="" type="radio"/> YA <input type="radio"/> TIDAK
Status Penyakit Gerompok:	<input type="checkbox"/> PILIH SEMUA <input type="checkbox"/> TIDAK MEMILIH <input type="checkbox"/> Invert selection <input type="checkbox"/> Brucella <input type="checkbox"/> Johne's disease <input type="checkbox"/> Tuberculosis
Lain-lain (Nyatakan):	<input type="text"/>

Proses Kelulusan:	<input type="radio"/> SELESAI <input checked="" type="radio"/> BELUM SELESAI																				
LOG PERMOHONAN:	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>Id status log baka</th> <th>Tarikh</th> <th>Operator</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2</td> <td>PERMOHONAN BARU</td> <td>28 January 2011 14:09</td> <td>roslainimohon</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>SELESAI SEMAKAH</td> <td>28 January 2011 14:42</td> <td>roslainisemak</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>SELESAI VERIFIKASI</td> <td>28 January 2011 14:59</td> <td>roslainiverifier</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>SELESAI VERIFIKASI</td> <td>28 January 2011 15:01</td> <td>roslainiverifier</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Records 1 - 4 of 4)</p>	BIL.	Id status log baka	Tarikh	Operator	2	PERMOHONAN BARU	28 January 2011 14:09	roslainimohon	3	SELESAI SEMAKAH	28 January 2011 14:42	roslainisemak	4	SELESAI VERIFIKASI	28 January 2011 14:59	roslainiverifier	5	SELESAI VERIFIKASI	28 January 2011 15:01	roslainiverifier
BIL.	Id status log baka	Tarikh	Operator																		
2	PERMOHONAN BARU	28 January 2011 14:09	roslainimohon																		
3	SELESAI SEMAKAH	28 January 2011 14:42	roslainisemak																		
4	SELESAI VERIFIKASI	28 January 2011 14:59	roslainiverifier																		
5	SELESAI VERIFIKASI	28 January 2011 15:01	roslainiverifier																		

SIMPAN DAN TUTUP															
SIMPAN	BATAL														
Kriteria <table border="1"> <tbody> <tr> <td>Skin pigment:</td> <td><input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Head size:</td> <td><input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Fore head:</td> <td><input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Horn:</td> <td><input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Ears:</td> <td><input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Hump:</td> <td><input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> <tr> <td>Special character:</td> <td><input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH</td> </tr> </tbody> </table>		Skin pigment:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Head size:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Fore head:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Horn:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Ears:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Hump:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH	Special character:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH
Skin pigment:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH														
Head size:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH														
Fore head:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH														
Horn:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH														
Ears:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH														
Hump:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH														
Special character:	<input checked="" type="radio"/> PATUH <input type="radio"/> TIDAK PATUH														
Status lulus:	<input type="radio"/> LULUS <input checked="" type="radio"/> GAGAL														
SIMPAN DAN TUTUP															
SIMPAN	BATAL														

SYSTEM E-BAKA

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LOGGED IN AS [LOGOUT]

Senarai Ternakan Mohon Sijil:									
	BIL.	Gambar Ternakan	Spesies	ID Haiwan (Sedia ade)	Baka Sejati	No. Daftar Pejantan	No. Daftar Induk	Status Ijuz	
	CARI		PILIH SEMUA					PILIH SEMUA	
<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	1	Lembu	10009	14	121212	141414	LULUS	

(Records 1 - 1 of 1)

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM PENDAFTARAN PEMBAKA

Penasihat

Y.Bhg. Dato' Dr Mohamad Azmie bin Zakaria

Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Ketua Editor

Dr. Roslaini bt. Hj. Rusli

Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Jawatankuasa Kerja

En. Adrian Kumar Raymond

Bahagian Penyelidikan

Dr. Saifullizam bin Abd. Kadir

Bahagian Pembangunan Sumber Telnologi Ternakan

Dr. Zainor bin Hj. Mohd

Dr. Chee Weng Kien

Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan

Dr. Norsuhanna bt. Mohd Mokhtar

Dr. Koh Karen

Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Pendaftaran Pembaka, khususnya;

- 1) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
- 3) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)
- 4) Semua Pengarah Bahagian, IPPV
- 5) Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 6) Semua Ketua Seksyen, IPPV

